

TAKRIFAN

Di dalam Sijil Takaful ini:

“Aktiviti Kehidupan Harian” mempunyai maksud-maksud berikut:

- (a) Pemindahan
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (b) Pergerakan
Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (c) Perihal Mengawal
Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya untuk menjaga kebersihan diri.
- (d) Pemakaian
Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- (e) Mandi/Membersihkan diri
Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
- (f) Makan
Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

“Tempoh Penilaian” bermaksud tempoh di mana Kami akan menilai sesuatu keadaan sebelum menentukan sama ada keadaan tersebut layak atau tidak untuk dianggap sebagai kekal. Tempoh penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan di dalam takrifan yang berkaitan dan tidak akan melebihi dua belas (12) bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).

“Ulang Tahun Sijil” bermaksud tarikh yang sama dengan Tarikh Sijil pada setiap tahun.

“Tarikh Sijil” bermaksud tarikh seperti yang dipaparkan di Halaman Maklumat Sijil yang merupakan tarikh daripada mana Ulang Tahun Sijil, Tahun Sijil, bulan Sijil dan tarikh Caruman perlu dibayar akan ditentukan.

“Tahun Sijil” bermaksud tempoh dua belas (12) bulan di antara dua (2) Ulang Tahun Sijil.

“Kenalan Rapat” bermaksud mana-mana individu yang berhubung rapat dengan Entiti sama ada secara sosial atau profesional.

“Caruman” bermaksud amaun wang seperti yang dinyatakan di Halaman Maklumat Sijil yang Anda bayar kepada Kami untuk menyertai Sijil Takaful ini.

“Pembedahan Dilindungi” bermaksud segala operasi atau prosedur pembedahan yang ditakrifkan atau dinyatakan dalam takrifan Penyakit Kritikal.

“Penyakit Kritikal” bermaksud sebarang penyakit yang mana tanda-tanda atau gejala-gejalanya mula kelihatan lebih daripada tiga puluh (30) hari (melainkan Penyakit Kritikal No. 2, 3, 4, 5 dan 6 yang tertakluk kepada tempoh enam puluh (60) hari) selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula bagi Sijil Takaful ini, yang mana lebih kemudian, dan adalah merangkumi Diagnosis bagi mana-mana daripada penyakit-penyakit berikut atau sebarang Pembedahan Dilindungi yang dinyatakan di bawah:

1. Strok / Angin Ahmar – mengakibatkan Defisit Neurologi kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak mencukupi, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan. Diagnosis ini haruslah berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan akan diguna pakai.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Serangan iskemia sementara (TIA);
- (ii) Simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migrain;
- (iii) Kecederaan traumatis pada tisu otak atau salur-salur darah;
- (iv) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optic atau fungsi-fungsi vestibular.

2. Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal

Sebarang tumor malignan yang didiagnosis positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
 - pra-malignan
 - bukan invasif
 - Karsinoma in situ
 - mempunyai malignan pinggiran (borderline)
 - mempunyai potensi malignan
- (ii) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (iii) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (iv) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (v) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;
- (vi) Semua kanser dengan kewujudan HIV;
- (vii) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.

3. Serangan Jantung - keterukan tertentu

Kematian otot jantung disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- (i) Sejarah sakit dada tipikal;
- (ii) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyongsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- (iii) Peningkatan petunjuk kardium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:
 - Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium $> / = 0.5 \text{ ng/ml}$

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut pasti yang harus disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

- kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil.
- peningkatan petunjuk kardium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

4. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) angioplasti;
- (ii) teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
- (iii) prosedur lubang kunci (keyhole);
- (iv) prosedur laser.

5. Penyakit Arteri Koronari Serius

Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabang-cabang) yang berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Areteri Sirkumfleks. Kejadian yang dilindungi ini akan dibayar tanpa mengira sama ada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.

6. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari

Menjalani Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektomi, rawatan laser atau memasukkan sten buat pertama kali untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang sempit atau tersumbat seperti yang dibuktikan oleh angiografi.

Prosedur penyiasatan intra-arteri adalah tidak dilindungi.

7. Pembedahan Injap Jantung

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri;
- (ii) Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.

8. Hepatitis Viral Fulminan

Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- (i) Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
- (ii) Nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
- (iii) Ujian kefungsian hati yang semakin merosot; dan
- (iv) Jaundis yang semakin mendalam.

Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria di atas adalah tidak dilindungi.

9. Kegagalan Hati Tahap Akhir

Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:

- Jaundis kekal;
- Asites (lebihan cecair dalam kaviti peritoneal); dan
- Ensefalopati hepatis.

Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.

10. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – *keterangan tertentu*

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.

Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

11. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir

Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik. Semua kriteria berikut harus dipenuhi:

- (i) Keperluan rawatan oksigen berkala secara kekal;
- (ii) Gangguan kekal pada fungsi paru-paru dengan isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;
- (iii) Sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
- (iv) Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.

12. Kegagalan Buah Pinggang – *memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang*

Kegagalan buah pinggang tahap akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik yang tidak boleh pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

13. Pembedahan Aorta

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk takrifan ini, aorta merujuk kepada aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabang-cabangnya.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) angioplasti;
- (ii) lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berdasarkan kateter;
- (iii) prosedur lubang kunci yang lain;
- (iv) prosedur laser.

14. Anemia Aplastik Kronik - *mengakibatkan kegagalan kekal sumsum tulang*

Kegagalan kekal yang tidak boleh pulih bagi sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia yang memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:

- (i) Transfusi produk darah berkala;
- (ii) Agen perangsang sumsum;
- (iii) Agen imunosupresif; atau
- (iv) Transplan sumsum tulang.

Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.

15. Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang

Penerimaan transplan seperti berikut:

- Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
- Salah satu daripada organ-organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang tidak dapat dipulihkan akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.

Transplan sel stem yang lain adalah tidak dilindungi.

16. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih

Kehilangan penglihatan yang kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

17. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih

Hilang pendengaran secara kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

18. Hilang Keupayaan Bertutur

Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya yang berkekalan dan tidak boleh pulih disebabkan oleh kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan akan diguna pakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.

19. Koma – mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal yang Berterusan

Keadaan tidak sedar diri dengan tiada sebarang tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai. Pengesahan oleh pakar neurologi mesti dikemukakan.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Koma yang berpunca langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

20. Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu

Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

21. Sklerosis Multipel

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh pakar neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:

- Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
- Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom-simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.

22. Kelumpuhan Anggota

Hilang penggunaan kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki atau satu tangan dan satu kaki secara keseluruhan, kekal dan tidak boleh dipulihkan lagi kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki akibat lumpuh yang berpunca daripada penyakit atau kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan akan diguna pakai.

23. Distrofi Otot

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh pakar neurologi yang disokong oleh kesemua yang berikut:

- (i) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
- (ii) Tiada penglibatan saraf tengah / periferal sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor;
- (iii) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah peristiwa dilindungi ini sebelum Orang Dilindungi mencapai umur 12 tahun pada tarikh lahir berikutnya.

24. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Demensia Teruk yang disebabkan oleh keceluaran otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Orang Dilindungi. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar neurologi.

Berdasarkan definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Keceluaran otak bukan organik seperti neurosis;
- (ii) Penyakit psikiatrik;
- (iii) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

25. Penyakit Neuron Motor – *Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan*

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsi progresif, sclerosis amiotrofik lateral atau sclerosis lateral utama. Harus terdapat Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan.

26. Penyakit Parkinson – *mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian*

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana kesemua keadaan-keadaan berikut adalah dipenuhi:

- (i) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- (ii) Menunjukkan tanda-tanda kemerosotan progresif; dan
- (iii) Pengesahan ketidakupayaan kekal Anda untuk melakukan tiga (3) atau lebih daripada Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.

27. Penyakit Terminal

Diagnosis muktamad sesuatu keadaan yang dijangka mengakibatkan kematian Orang Dilindungi di dalam tempoh dua belas (12) bulan. Orang Dilindungi harus tidak lagi menerima rawatan aktif selain daripada untuk melegakan kesakitan. Diagnosis ini harus disokong oleh pengesahan bertulis daripada doktor pakar yang bersesuaian dan disahkan oleh Doktor yang dilantik oleh Kami.

28. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Keradangan teruk bahan otak yang mengakibatkan kecacatan fungsian kekal. Kecacatan fungsian kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari akan diguna pakai. Kejadian yang dilindungi harus disahkan oleh pakar neurologi.

Ensefalitis yang disebabkan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.

29. Tumor Otak Benign – keterukan tertentu

Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak di mana semua keadaan berikut adalah dipenuhi:

- (i) ia mengancam nyawa;
- (ii) ia menyebabkan kerosakan otak;
- (iii) ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan defisit neurologi yang kekal dengan simptom klinikal berterusan; dan
- (iv) Kewujudannya mesti disahkan oleh pakar neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik-teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Yang berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Sista;
- (ii) Granuloma;
- (iii) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak;
- (iv) Hematoma;
- (v) Tumor di dalam kelenjar pituitary;
- (vi) Tumor di dalam tulang belakang;
- (vii) Tumor saraf akustik.

30. Trauma Kepala Major (Teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh pakar neurologi. Kerosakan kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan akan diguna pakai.

31. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Meningitis bakteria yang menyebabkan keradangan pada membran-membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari akan diguna pakai.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (i) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- (ii) kehadiran jangkitan bakteria di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

32. Pembedahan Otak

Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.

Untuk definisi di atas, yang berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Prosedur lubang gerudi (burr hole);
- (ii) Prosedur transfenoid;
- (iii) Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum;
- (iv) Pembedahan otak akibat kemalangan.

33. Penyakit Sistik Medular

Penyakit buah pinggang keturunan yang progresif dicirikan oleh kewujudan sista dalam medula, atrofi tubular dan fibrisis intestinal dengan manifestasi klinikal seperti anemia, poliuria dan kehilangan natrium dari ginjal, yang menyebabkan kegagalan ginjal kronik. Diagnosis harus disokong oleh biopsi ginjal.

34. Kehilangan Upaya Hidup Berdikari

Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidak upayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan akan diguna pakai.

35. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah dengan syarat semua keadaan-keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- (ii) Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuatkuasa Kontrak Tambahan Penyakit Kritis berkaitan;
- (iii) Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;
- (iv) Orang Dilindungi tidak menghidap hemofilia; dan
- (v) Orang Dilindungi bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.

36. Kardiomiopati – keterangan tertentu

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.

Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa juu aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.

37. AIDS Dengan Gejala Penuh.

Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) harus disokong oleh keputusan positif ujian antibodi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Orang Dilindungi juga perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada dua ratus (200)/ μ L dan memenuhi satu (1) atau lebih daripada kriteria-kriteria berikut:

- (a) Kehilangan lebih daripada 10% daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom susut badan);
- (b) Sarkoma Kaposi;
- (c) Radang Paru-Paru Pneumocystis Carinii;
- (d) Leukoensefalopati multifokal progresif;
- (e) Tuberkulosis (batuk kering) aktif;
- (f) Kurang daripada seribu (1,000) Limfosit;
- (g) Limfoma Malignan.

38. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (hanya sekiranya Orang Dilindungi merupakan Kakitangan Perubatan seperti yang ditakrifkan di bawah), di mana ia dijangkiti akibat kemalangan yang berlaku semasa menjalankan tugas pekerjaan yang biasa dengan serokonversi (penukaran serum) kepada jangkitan HIV yang berlaku dalam tempoh enam (6) bulan daripada kemalangan. Sebarang kemalangan yang boleh membawa kepada tuntutan haruslah dilaporkan kepada Kami di dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada berlakunya kemalangan dengan disokong oleh ujian HIV yang negatif yang diambil dalam tempoh tujuh (7) hari daripada kemalangan itu.

“Kakitangan Perubatan” ditakrifkan sebagai doktor (Doktor Perubatan Umum dan Doktor Pakar), pengamal perubatan tradisional, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, doktor pergigian, jururawat pergigian, pekerja ambulans yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik/poliklinik pergigian di Malaysia. Doktor, pengamal perubatan, jururawat dan doktor pergigian mestilah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

39. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:

Jenis III - Glomerulonefritis Segmen Fokus
Jenis IV - Glomerulonefritis Resap
Jenis V – Glomerulonefritis

“Diagnosis” bermaksud diagnosis muktamad yang dibuat oleh Pakar Perubatan berdasarkan bukti khusus seperti yang dinyatakan di dalam takrifan Penyakit Kritis atau berdasarkan bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang boleh Kami terima sekiranya ketidaaan bukti khusus tersebut. Diagnosis tersebut haruslah disokong oleh Doktor perubatan Kami yang mungkin memberi pendapatnya berdasarkan bukti perubatan yang dikemukakan oleh Orang Dilindungi/Anda dan/atau sebarang bukti tambahan yang mungkin diperlukan olehnya.

Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau percanggahan pendapat mengenai kesesuaian atau ketepatan diagnosis tersebut, Kami mempunyai hak untuk memilih dan memanggil pakar bebas yang diiktiraf di dalam bidang perubatan yang berkaitan dan menggunakan khidmatnya untuk membuat pemeriksaan sama ada ke atas Orang Dilindungi atau ke atas bukti yang digunakan dalam menetapkan diagnosis tersebut di mana pendapat pakar tersebut mengenai diagnosis itu akan diterima pakai oleh Orang Dilindungi dan Kami.

“Doktor” atau **“Pakar Perubatan”** bermaksud seorang pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan dan mempunyai lesen untuk mempraktikkan perubatan barat dan, dalam memberi rawatan tersebut, mempraktikkannya mengikut skop lesen dan latihan yang telah diterimanya di kawasan geografi di mana khidmat diberikan tetapi tidak termasuk Doktor atau Pakar Perubatan yang merupakan Orang Dilindungi itu sendiri.

“Endorsan” bermaksud suatu perubahan yang dibuat kepada Sijil Takaful.

“Entiti” bermaksud mana-mana individu, perbadanan, organisasi, institusi, pertubuhan, operasi yang:

- (a) menerima sekatan atau larangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan dagangan atau ekonomi di bawah undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau sebarang negeri-negeri dibawahnya, dan/atau sebarang undang-undang atau peraturan lain yang digunakan yang berkenaan dengan sekatan dagangan atau ekonomi (“Entiti Yang Dikenakan Sekatan”); atau
- (b) mengambil khidmat, mengupah, menjalankan dagangan atau berurusan dengan Entiti Yang Dikenakan Sekatan dalam apa jua cara.

“Tarikh Penyertaan” atau **“Tarikh Mula”** bermaksud tarikh di mana perlindungan di bawah Sijil Takaful ini mula berkuatkuasa. Tarikh Penyertaan dipaparkan di Halaman Maklumat Sijil dan Tarikh Mula dipaparkan di Endorsan yang berkenaan sekiranya terdapat perubahan seterusnya pada terma-terma dan maklumat-maklumat perlindungan Sijil Takaful yang asal. Tarikh Mula juga merupakan tarikh penguatkuasaan semula Sijil Asas sekiranya sebarang penguatkuasaan semula dibuat.

“Ju’alah” bermaksud komisen di mana Kami berhak untuk menerima sehingga lima puluh peratus (50%) daripada Lebihan Dana Risiko Peserta sebagai upah pencapaian kerana mengendalikan dana dengan cekap sehingga menghasilkan Lebihan.

“Tarikh Matang” bermaksud tarikh seperti yang dipaparkan di Halaman Maklumat Sijil di mana Sijil Takaful mencapai kematangan.

“Dana Risiko Peserta” atau **“DRP”** bermaksud dana di mana *Tabarru’* akan dikreditkan dan di mana faedah tuntutan Takaful akan dibayar berasaskan prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama di antara peserta-peserta. Tiada faedah yang akan dibayar daripada dana ini selepas Tarikh Matang bagi Sijil Takaful ini.

“Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan” bermaksud simptom disfungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup Orang Dilindungi. Simptom-simptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.

“Orang Dilindungi” merujuk kepada individu yang dinamakan di Halaman Maklumat Sijil yang mana Sijil Takaful ini dikeluarkan untuknya.

“Keadaan Sedia Ada” bermaksud penyakit/hilang upaya yang wujud sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula bagi Sijil Takaful ini, yang mana lebih kemudian, dan Orang Dilindungi/Anda secara wajarnya telah mempunyai pengetahuan mengenai keadaan tersebut. Orang Dilindungi/Anda boleh dianggap secara wajarnya telah mempunyai pengetahuan mengenai suatu Keadaan Sedia Ada sekiranya bagi keadaan tersebut:

- (a) Orang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan; atau
- (b) nasihat perubatan, Diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan; atau
- (c) gejala-gejala yang jelas dan ketara telah muncul atau pernah muncul; atau
- (d) kewujudannya adalah nyata bagi orang yang waras dalam keadaan itu.

“Qard” bermaksud suatu pinjaman tanpa keuntungan yang diberikan oleh Kami kepada Dana Risiko Peserta sekiranya ia mengalami defisit dan tidak berupaya untuk membayar faedah-faedah Takaful kepada peserta-peserta yang layak. Amaun ini akan diambil semula daripada Lebihan pada masa akan datang sebelum pengagihan dibuat.

“Saudara” bermaksud suami atau isteri, pasangan, adik-beradik, anak, ibu bapa atau mertua kepada Entiti. Adik-beradik, anak, ibu bapa atau mertua merangkumi hubungan biologikal dan bukan biologikal.

“Jumlah Dilindungi” bermaksud amaun perlindungan bagi Sijil Takaful pada masa ia dikeluarkan dan dipaparkan di Halaman Maklumat Sijil. Sekiranya terdapat perubahan pada amaun Jumlah Dilindungi selepas itu mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil Takaful ini, amaun tersebut akan menjadi Jumlah Dilindungi.

“Lebihan” bermaksud lebihan daripada Dana Risiko Peserta yang wujud selepas ditolak tuntutan yang dibayar, simpanan dan keperluan modal yang diperlukan, jika ada. Lebihan, jika ada, akan dihitung dan diagihkan pada setiap tahun.

“*Tabarru’*” bermaksud ‘derma’ di mana ia merujuk kepada amaun Caruman bersih selepas tolakan Yuran Wakalah. *Tabarru’* akan mula berkuatkuasa apabila amaun tersebut telah diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta bagi tujuan bantuan dan pertolongan bersama kepada peserta-peserta yang memerlukan. *Tabarru’* adalah tidak dijamin dan Anda mungkin perlu membuat penambahan kepada amaun Caruman sekiranya terdapat pindaan pada *Tabarru’*.

“**Takaful**” bermaksud suatu skim bantuan bersama di atas prinsip perpaduan, persaudaraan dan saling bantu-membantu. Setiap peserta bersetuju untuk mencarum (menderma) *Tabarru’* ke dalam Dana Risiko Peserta yang kemudiannya akan digunakan untuk membantu satu sama lain pada masa diperlukan.

“**Sijil Takaful**” atau “**Sijil**” bermaksud Sijil Takaful AIA i-Critical Illness Cover termasuk dengan sebarang Endorsan yang dibuat kepadanya

“**Wakalah**” bermaksud agensi dan merupakan suatu kontrak di antara peserta-peserta dan Kami di mana peserta-peserta memberi kuasa kepada Kami untuk bertindak bagi pihak mereka dalam menjalankan urusan Takaful yang termasuk pengunderitan, pelaburan, khidmat sijil dan pemprosesan tuntutan. Dalam menjalankan tugas di bawah kontrak *Wakalah* ini, Kami mungkin akan melantik pihak ketiga untuk melaksanakan tugas-tugas relevan yang berkaitan dengan urusan Takaful.

“**Kami**” atau “**AIA PUBLIC**” bermaksud AIA PUBLIC Takaful Bhd.

“**Anda**”, “**Peserta**” atau “**Pemilik**” merujuk kepada pemilik Sijil Takaful ini seperti yang dipaparkan di Halaman Maklumat Sijil.

Mengikut kesesuaian konteks, pernyataan yang merujuk kepada lelaki akan terpakai juga kepada perempuan dan pernyataan yang merujuk kepada maksud tunggal akan terpakai juga kepada maksud jamak.

JADUAL CAJ SIJIL DAN PERUNTUKAN CARUMAN

Caj semasa untuk Sijil Takaful adalah seperti berikut:

Tabarru'

Tabarru' akan ditolak daripada Caruman yang telah dibayar pada kadar yang telah ditetapkan dan akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta bagi tujuan pertolongan dan bantuan bersama kepada peserta-peserta yang memerlukan.

Kami berhak untuk membuat pindaan pada *Tabarru'* dan menaikkan Caruman bagi Sijil Takaful dengan memberi notis secara bertulis kepada Anda sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum Ulang Tahun Sijil terlebih dahulu.

Yuran Wakalah

Yuran pendahuluan adalah ditolak sebagai suatu peratusan daripada Caruman di mana ia akan digunakan untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan dalam menjalankan urusan Takaful seperti yang dinyatakan di bawah takrifan *Wakalah*.

Peruntukan Caruman

Peratusan daripada Caruman yang diperuntukkan kepada Dana Risiko Peserta dan Yuran *Wakalah* adalah seperti berikut:

| Tahun Sijil | Kadar peratusan (%) daripada Caruman | |
|-------------|--------------------------------------|------------------------------------|
| | <i>Yuran Wakalah*</i> | Peruntukan DRP (<i>Tabarru'</i>) |
| Semua tahun | 30% | 70% |

*Yuran *Wakalah* tidak diperuntukkan kepada Dana Risiko Peserta.

PERUNTUKAN DANA

DANA RISIKO PESERTA (DRP)

Berdasarkan konsep *Tabarru'*, Anda akan menderma sebahagian daripada Caruman ke dalam DRP untuk tujuan bantuan bersama. DRP dimiliki oleh kumpulan peserta dan diuruskan oleh Kami untuk tujuan pembayaran tuntutan untuk peristiwa yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini. Sebarang perbelanjaan langsung yang berkaitan bagi tujuan tuntutan (seperti kos siasatan) dan pelaburan (seperti kos transaksi langsung untuk membeli aset pelaburan bagi dana takaful) yang ditanggung pada peringkat dana, jika ada, akan dicaj di bawah DRP.

Lebihan daripada DRP, jika ada, akan ditentukan dan diisyiharkan pada akhir setiap tahun kewangan oleh Kami. Lebihan akan diagihkan kepada Anda berdasarkan kadar peruntukan *Tabarru'* Anda dengan syarat tiada faedah telah dibayar kepada Anda daripada DRP di bawah Sijil Takaful ini semasa ia berkuatkuasa di dalam tahun kewangan tertentu.

Menggunakan kontrak *Ju'alah*, Kami berhak untuk menerima sehingga lima puluh peratus (50%) daripada Lebihan yang diagihkan sebagai *Ujrah* (yuran prestasi) kerana berupaya menguruskan dana dengan cekap sehingga membawa kepada Lebihan. Baki Lebihan yang tinggal akan diagihkan kepada Anda.

Sekiranya DRP mengalami defisit, Kami akan menggunakan dana Kami untuk menampung kekurangan tersebut di bawah prinsip *Qard* (pinjaman tanpa keuntungan). Jumlah ini akan dibayar semula daripada Lebihan DRP sebelum pengagihan dibuat.

PERUNTUKAN AIA i-CRITICAL ILLNESS COVER

Sijil Takaful Anda dinamakan AIA i-Critical Illness Cover. Sijil ini adalah suatu pelan Takaful Keluarga penyakit kritikal yang akan tamat pada Tarikh Matang seperti yang dinyatakan di Halaman Maklumat Sijil. Caruman perlu dibayar sehingga tarikh tamat Caruman seperti yang dinyatakan di Halaman Maklumat Sijil atau sehingga Sijil Takaful ini ditamatkan, yang mana berlaku terlebih dahulu.

Sijil Takaful Anda menyediakan faedah-faedah berikut tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang dinyatakan di bawah.

FAEDAH

Sekiranya Orang Dilindungi didiagnos dengan Penyakit Kritikal atau menjalani Pembedahan Dilindungi dan masih hidup lima belas (15) hari selepas tarikh Diagnosis atau Pembedahan Dilindungi semasa Sijil Takaful ini masih berkuatkuasa, Kami akan membayar faedah berikut daripada Dana Risiko Peserta:

1. BAYARAN SEKALI GUS BAGI PENYAKIT KRITIKAL

Kami akan membayar satu ratus peratus (100%) daripada Jumlah Dilindungi di dalam satu (1) bayaran sekali gus sekiranya Orang Dilindungi didiagnos dengan Penyakit Kritikal atau menjalani Pembedahan Dilindungi. Sijil Takaful ini kemudiannya akan tamat.

2. BAYARAN TERHAD BAGI ANGIOPLASTI DAN RAWATAN INVASIF LAIN UNTUK PENYAKIT ARTERI KORONARI

Bagi kes Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, liabiliti Kami adalah terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Dilindungi tertakluk kepada maksimum Ringgit Malaysia dua puluh lima ribu (RM25,000). Pembayaran ini hanya boleh dibayar sekali sahaja sepanjang tempoh Sijil Takaful. Sijil Takaful kemudiannya akan terus berkuatkuasa dengan Jumlah Dilindungi berkurang.

Sebarang hutang yang perlu dibayar bagi Sijil Takaful ini pada masa pembayaran mana-mana faedah atau bayaran akan ditolak daripada amaun yang akan dibayar di bawah Sijil Takaful ini.

PENGECUALIAN

Sijil Takaful ini tidak akan melindungi:

- (a) sebarang penyakit atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan bagi Penyakit Kritikal seperti yang ditakrifkan di sini; atau
- (b) Penyakit Kritikal No. 1 dan No. 7 hingga No. 39 yang mana tanda-tanda atau gejala-gejala baginya pertama kali muncul di dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana lebih kemudian; atau
- (c) Penyakit Kritikal No. 2 hingga No. 6 yang mana tanda-tanda atau gejala-gejala baginya pertama kali muncul di dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana lebih kemudian; atau
- (d) sebarang Penyakit Kritikal yang telah didiagnos sebagai berpuncu, sama ada secara langsung atau tidak langsung, daripada kecacatan kongenital atau penyakit yang telah muncul atau telah didiagnos sebelum Orang Dilindungi mencapai umur tujuh belas (17) tahun; atau
- (e) sebarang Keadaan Sedia Ada yang wujud sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana lebih kemudian; atau

- (f) diagnosis Hepatitis Viral Fulminan, Kanser, Ensefalitis, Meningitis Bakteria, Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk atau Penyakit Terminal yang, pada pendapat Kami, adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau sebarang jangkitan HIV. Kami berhak untuk memerlukan Orang Dilindungi menjalani ujian darah bagi HIV sebagai syarat pendahuluan kepada penerimaan sebarang tuntutan. Bagi tujuan Sijil Takaful ini:
- (i) Takrifan AIDS adalah seperti yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987 atau sebarang pindaan seterusnya yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ke atas takrifan tersebut.
 - (ii) Jangkitan akan dianggap telah berlaku apabila ujian darah atau ujian-ujian lain yang berkaitan menunjukkan, pada pendapat Kami, kewujudan sebarang HIV atau antibodi terhadap virus seperti itu.
- (g) mana-mana daripada Penyakit Kritikal atau Pembedahan Dilindungi yang disebabkan oleh kecederaan yang sengaja dilakukan ke atas diri sendiri.

SAMPLE

PERUNTUKAN AM

SIJIL TAKAFUL

Sijil Takaful ini dikeluarkan setelah mengambil kira bayaran Caruman seperti yang dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Sijil dan ia berdasarkan kepada:

- (i) jawapan-jawapan yang Anda telah berikan di dalam borang permohonan atau di dalam sebarang soal selidik yang Kami beri yang berkaitan dengan permohonan Anda dan sebarang pendedahan yang telah Anda maklumkan di antara masa penyerahan permohonan Anda dan masa kontrak ini dimeterai; dan
- (ii) laporan perubatan dan sebarang laporan dan soal selidik lain,
(dirujuk secara kolektif sebagai ‘Maklumat Penting’)

dan Maklumat Penting tersebut akan membentuk sebahagian daripada Sijil Takaful ini di antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata yang dibuat prakontrak berhubung dengan Maklumat Penting tersebut, hanya remedи yang terkandung di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sekiranya sebelum Sijil Takaful ini diperbaharui atau diubah Kami memerlukan Anda untuk menjawab sebarang soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang telah Anda dedahkan sebelum ini kepada Kami berkaitan dengan Sijil Takaful ini, adalah menjadi tanggungjawab Anda untuk mengambil langkah sewajarnya untuk tidak membuat sebarang salah nyata semasa memberi jawapan atau semasa membuat pengesahan atau membuat pindaan ke atas perkara-perkara yang telah didedahkan sebelum ini.

Anda harus memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan kepada maklumat-maklumat yang telah Anda berikan kepada Kami di dalam jawapan-jawapan Anda atau yang berkaitan dengan apa-apa perkara yang telah Anda dedahkan kepada Kami sebelum ini berhubung dengan Sijil Takaful sekiranya perubahan tersebut berlaku setelah Anda telah menghantar permohonan untuk pembaharuan atau perubahan tetapi sebelum Sijil Takaful diperbaharui atau diubah.

Terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini tidak boleh diubah atau dikecualikan melainkan melalui Endorsan yang telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau Pendaftar Kami.

KESALAHAN PENGURUSAN ATAU KECUAIAN

Sekiranya terdapat sebarang kesalahan pengurusan atau kecuaian dari pihak Kami yang memberi kesan buruk kepada Anda, Kami akan memberi pampasan bagi sebarang kerugian yang Anda tanggung atas sebab keadaan tersebut sama ada dalam bentuk wang tunai atau bentuk pampasan lain yang dianggap bersesuaian.

Kesalahan pengurusan dan kecuaian di sini adalah termasuk, tetapi tidak hanya terhad, kepada yang berikut:

- (a) kegagalan atau kekurangan kawalan sehingga menyebabkan penipuan dalaman; atau
- (b) kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab Kami di bawah Sijil Takaful ini dengan sengaja; atau
- (c) kawalan dan pemantauan yang tidak mencukupi dalam operasi urusan Takaful; atau
- (d) penyeliaan yang tidak betul,

atau sebarang keadaan-keadaan lain yang serupa.

KETIDAKBOLEHTANDINGAN DAN SALAH NYATA

Kami tidak akan mempertikaikan kesahihan Sijil Takaful ini setelah ia berkuatkuasa untuk tempoh lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana lebih kemudian, semasa hayat Orang Dilindungi. Walau bagaimanapun, sekiranya Kami dapat menunjukkan bahawa terdapat penyelindungan Maklumat Penting atau suatu pernyataan yang dibuat oleh Anda/Orang Dilindungi berkenaan Maklumat Penting didapati tidak tepat, palsu, mengelirukan dan ia dibuat atau ditinggalkan dengan niat untuk menipu, Kami mempunyai hak untuk:

- i) membatalkan Sijil Takaful ini dan menolak semua tuntutan di mana Kami akan memulangkan Caruman yang telah dibayar tanpa keuntungan. Pembayaran ini secara sahnya akan menjadi pelepasan penuh daripada sebarang liabiliti di bawah Sijil Takaful ini; atau
- ii) mengambil mana-mana remedii mengikut peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Sekiranya Sijil Takaful ini telah berkuatkuasa untuk tempoh dua (2) tahun atau kurang dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana lebih kemudian, semasa hayat Orang Dilindungi dan salah nyata didapati dibuat secara cuai atau tanpa niat jahat atau sengaja atau melulu, Kami mempunyai hak untuk:

- i) membatalkan Sijil Takaful ini dan menolak semua tuntutan di mana Kami akan memulangkan Caruman yang telah dibayar tanpa keuntungan. Pembayaran ini secara sahnya akan menjadi pelepasan penuh daripada sebarang liabiliti di bawah Sijil Takaful ini; atau
- ii) mengambil mana-mana remedii mengikut peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

SALAH NYATA UMUR DAN JANTINA

Sijil Takaful ini dikeluarkan mengikut umur yang dinyatakan di Halaman Maklumat Sijil di mana umur tersebut merupakan umur ulang tahun terakhir yang diisyiharkan oleh Orang Dilindungi di dalam permohonan. Sekiranya pada waktu tuntutan dibuat, umur atau jantina Orang Dilindungi didapati tidak tepat, Kami akan membuat penyelarasan berdasarkan yang di bawah:

- (a) Sekiranya Caruman bagi umur atau jantina Orang Dilindungi yang sebenar adalah lebih tinggi daripada Caruman yang telah dibayar, Kami akan mengurangkan amaun faedah yang akan dibayar di bawah Sijil Takaful ini sebanyak perbezaan amaun di antara Caruman yang telah dibayar dan Caruman yang sepatutnya dibayar untuk Sijil Takaful; atau
- (b) Sekiranya Caruman bagi umur atau jantina Orang Dilindungi yang sebenar adalah lebih rendah daripada Caruman yang telah dibayar, perbezaan Caruman tersebut akan dipulangkan kepada Anda tanpa keuntungan.

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN

Sijil Takaful ini adalah di bawah pengawalan undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa ekslusif ke atas sebarang tuntutan yang mungkin timbul atau yang berkaitan dengan Sijil Takaful ini.

MATA WANG

Semua amaun yang perlu dibayar kepada atau oleh Kami akan dibayar di dalam mata wang yang dinyatakan di Halaman Maklumat Sijil.

KEBEBAAN DARIPADA SEKATAN

Melainkan diberitahu secara khusus, Sijil Takaful ini tidak mengenakan sebarang sekatan ke atas Orang Dilindungi untuk hal-hal yang melibatkan perjalanan, tempat tinggal atau pekerjaan.

PINDAAN

Kami berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat bagi Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis sembilan puluh (90) hari terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir Anda atau mel elektronik yang ada di dalam rekod Kami dan pindaan tersebut akan berkuatkuasa bermula daripada pembaharuan yang berikutnya bagi Sijil Takaful ini. Pindaan pada Sijil Takaful ini hanya sah sekiranya dibenarkan oleh Kami dan endorsan bagi kelulusan berkenaan telah dibuat ke atas Sijil Takaful ini.

Sekiranya Orang Dilindungi berniat untuk membuat sebarang pindaan atau mengecualikan mana-mana peruntukan di dalam Sijil Takaful ini, pindaan atau pengecualian tersebut harus dibuat melalui Endorsan. Endorsan itu harus ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau Pendaftar Kami.

Kami boleh meminta Orang Dilindungi untuk menyerahkan Sijil Takaful ini kepada Kami untuk melaksanakan sebarang Endorsan.

PERSIJILAN, MAKLUMAT DAN BUKTI

Semua sijil, maklumat, laporan perubatan dan bukti yang Kami perlukan perlu dihantar kepada Kami dalam bentuk yang Kami kehendaki di mana kos penghantaran tersebut perlu ditanggung oleh Orang Dilindungi. Semua notis yang Kami perlukan haruslah secara bertulis dan dialamatkan kepada Kami. Sekiranya Kami rasakan perlu, Kami boleh meminta Orang Dilindungi untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di mana kos pemeriksaan tersebut akan ditanggung oleh Kami.

PENIMBANGTARAAN

Semua perselisihan yang berpunca daripada Sijil Takaful ini akan dirujuk kepada seorang penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berselisih. Sekiranya pihak-pihak tersebut tidak dapat mencapai persetujuan mengenai siapa yang akan menjadi penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas dikehendaki berbuat demikian secara bertulis, maka setiap satu daripada pihak tersebut berhak untuk melantik seorang penimbangtara yang akan mendengar perselisihan tersebut bersama-sama dengan seorang wasit yang akan dilantik oleh kedua-dua penimbangtara itu. Walau bagaimanapun, ini adalah dengan syarat sebarang penafian liabiliti oleh Kami bagi sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini mestilah dirujuk kepada seorang penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penafian liabiliti tersebut.

TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN

Sijil Takaful ini akan diperbaharui pada setiap Ulang Tahun Sijil melalui pembayaran Caruman terlebih dahulu pada kadar Caruman yang ditetapkan oleh Kami pada masa pembaharuan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat bagi Sijil Takaful ini.

Caruman yang perlu dibayar bagi Sijil Takaful ini adalah tidak dijamin dan Kami berhak membuat pindaan kepadanya pada masa pembaharuan dengan memberi notis bertulis sembilan puluh (90) hari terlebih dahulu kepada Anda melalui pos biasa ke alamat terakhir Anda atau mel elektronik yang ada di dalam rekod Kami. Caruman yang telah dipinda tersebut akan berkuatkuasa bermula daripada pembaharuan yang berikutnya bagi Sijil Takaful ini.

Sebarang pindaan kepada Caruman akan terpakai kepada semua peserta berdasarkan penilaian risiko Kami tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka. Sekiranya terdapat sebarang kenaikan Caruman, Anda perlu membayar Caruman yang telah dipinda tersebut.

Sijil Takaful ini boleh diperbaharui sehingga berlaku mana-mana yang berikut:

- (a) sekiranya Sijil Takaful matang, ditamatkan, luput atau diserahkan; atau
- (b) berlaku penipuan atau salah nyata maklumat penting semasa permohonan dibuat; atau
- (c) Sijil Takaful ini dibatalkan atas permintaan Anda; atau
- (d) apabila Orang Dilindungi meninggal dunia; atau
- (e) apabila Jumlah Dilindungi telah dibayar sepenuhnya; atau
- (f) Orang Dilindungi mencapai had umur perlindungan yang telah ditetapkan.

BAYARAN FAEDAH

Semua faedah akan dibayar kepada Anda. Sekiranya Anda meninggal dunia sebelum tuntutan diselesaikan, faedah tersebut akan dibayar kepada wakil Anda yang sah. Bayaran tersebut akan dianggap sebagai pelepasan penuh bagi wang yang akan dibayar di bawah Sijil Takaful ini.

Kami mempunyai hak untuk meminta bukti lanjut, laporan perubatan atau melakukan pemeriksaan sejarah perubatan sebelum faedah-faedah dibayar kepada Anda.

PROSEDUR TUNTUTAN

1. Notis Tuntutan

Notis tuntutan bertulis harus diberikan kepada Kami di dalam masa enam puluh (60) hari selepas tarikh Diagnosis Penyakit Kritikal atau tarikh Pembedahan Dilindungi. Notis yang diberikan kepada Kami yang mengandungi butiran mencukupi untuk mengenal pasti Orang Dilindungi akan diterima sebagai notis kepada Kami. Kegagalan untuk memberikan notis di dalam tempoh masa tersebut tidak akan membantalkan sebarang tuntutan sekiranya dapat ditunjukkan bahawa terdapat sebab munasabah mengapa notis tidak dapat diberikan dan ia telah dihantar secepat yang mungkin.

2. Bukti Penyakit Kritikal atau Pembedahan Dilindungi

Setelah menerima notis tuntutan, Kami akan memberikan borang-borang yang bersesuaian kepada pihak yang membuat tuntutan untuk memfailkan bukti Penyakit Kritikal atau Pembedahan Dilindungi. Sekiranya borang-borang tersebut tidak dikembalikan di dalam tempoh lima belas (15) hari, pihak yang membuat tuntutan masih lagi dianggap telah mematuhi syarat peruntukan ini sekiranya dapat menghantar bukti secara bertulis yang menerangkan perihal kejadian, sifat dan tahap Penyakit Kritikal atau Pembedahan Dilindungi yang membawa kepada tuntutan dibuat.

3. Memfail Bukti Penyakit Kritikal

Bukti Penyakit Kritikal atau Pembedahan Dilindungi harus dihantar kepada Kami semasa Orang Dilindungi masih hidup. Bukti tersebut harus dikemukakan di dalam tempoh enam (6) bulan selepas tarikh Diagnosis Penyakit Kritikal atau tarikh Pembedahan Dilindungi dijalankan.

TEMPOH PERCUBAAN

Anda mempunyai hak untuk membantalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Notis tersebut haruslah telah ditandatangani oleh Anda dan diterima secara terus oleh Kami di dalam tempoh lima belas (15) hari selepas kontrak e-sijil Anda telah tersedia di portal pelanggan AIA. Caruman yang telah dibayar ditolak sebarang perbelanjaan yang mungkin Kami tanggung bagi sebarang pemeriksaan kesihatan akan dikembalikan kepada Anda tanpa keuntungan. Anda tidak boleh menggunakan hak Anda untuk membantalkan Sijil Takaful di bawah klausula ini sekiranya Kami telah membayar sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini semasa Tempoh Percubaan.

SERAHAN SIJIL

Semasa Sijil Takaful ini masih berkuatkuasa, Anda boleh membuat serahan ke atas Sijil Takaful ini dengan memberikan notis bertulis kepada Kami.

Apabila serahan dibuat, *'Tabarru'* daripada Dana Risiko Peserta yang belum digunakan dan Yuran Wakalah yang belum diperolehi akan dipulangkan kepada Anda dengan syarat tiada tuntutan yang telah dibuat. Pemulangan ini tidak terpakai bagi Sijil Takaful dengan mod pembayaran bulanan.

| Tempoh Tidak Melebihi | Kadar Peratusan (%) daripada Caruman | | | |
|-----------------------|--------------------------------------|------------------|------------------|------------------|
| | Tahunan | Sepuh Tahunan | Suku Tahunan | Bulanan |
| 15 hari* | 90% | 80% | 70% | Tiada pemulangan |
| 1 bulan | 80% | 70% | 50% | |
| 2 bulan | 70% | 50% | 20% | |
| 3 bulan | 60% | 30% | Tiada pemulangan | |
| 4 bulan | 50% | 20% | 50% | |
| 5 bulan | 40% | 10% | 20% | |
| 6 bulan | 30% | Tiada pemulangan | Tiada pemulangan | |
| 7 bulan | 25% | 70% | 50% | |
| 8 bulan | 20% | 50% | 20% | |
| 9 bulan | 15% | 30% | Tiada pemulangan | |
| 10 bulan | 10% | 20% | 50% | |
| 11 bulan | 5% | 10% | 20% | |
| 12 bulan | Tiada pemulangan | Tiada pemulangan | Tiada pemulangan | |

* Tidak terpakai untuk Tahun Sijil yang pertama. Sila rujuk klausu Tempoh Percubaan.

PENAMATAN

Semua perlindungan di bawah Sijil Takaful ini akan tamat secara automatik sekiranya mana-mana perkara yang di bawah berlaku:

- (a) Sijil Takaful matang, luput atau diserahkan; atau
- (b) Orang Dilindungi meninggal dunia; atau
- (c) Jumlah Dilindungi telah dibayar sepenuhnya.

Pembayaran atau penerimaan sebarang Caruman selepas penamatan Sijil Takaful tidak akan mewujudkan sebarang liabiliti pada pihak kami tetapi kami akan memulangkan kembali sebarang Caruman seperti itu tanpa keuntungan.

PENGAGIHAN LEBIHAN

1. Kami akan mengurus dan melaburkan Dana Risiko Peserta, di mana yang berkenaan, mengikut strategi pelaburan yang berpegang kepada prinsip Shariah. Sekiranya terdapat sebarang Lebihan daripada Dana Risiko Peserta, Anda bersetuju bahawa Kami akan menerima sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada Lebihan tersebut sebagai insentif, mengikut dasar *Ju'alah*, manakala baki Lebihan sebanyak lima puluh peratus (50%) lagi akan disimpan untuk diagihkan di antara peserta-peserta tertakluk kepada terma-terma Sijil Takaful ini dan sebarang peraturan-peraturan lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa. Lebihan tersebut akan diagihkan kepada setiap peserta berdasarkan amaun caruman *Tabarru'* masing-masing ke dalam Dana Risiko Peserta di dalam tahun kewangan yang tertentu.
2. Sebarang Lebihan yang diterima oleh Anda akan dikongsi mengikut kadar yang ditentukan dengan syarat Sijil Takaful Anda tidak mempunyai sebarang tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang pembayaran faedah bagi mana-mana perlindungan di bawah Sijil Takaful semasa ia masih berkuatkuasa.

QARD

Sekiranya Dana Risiko Peserta tidak mencukupi untuk membayar liabiliti-liabilitinya, Kami akan menampung kekurangan tersebut melalui *Qard* (pinjaman tanpa keuntungan). Amaun ini kemudiannya akan dibayar semula tanpa keuntungan kepada Kami daripada Dana Risiko Peserta sebaik sahaja Dana Risiko Peserta mempunyai amaun yang mencukupi sebelum sebarang pengagihan Lebihan dibuat.

AKTA PEMATUHAN CUKAI AKAUN ASING (FATCA)

Sekiranya Anda mempunyai Indicia Amerika Syarikat dan gagal, setelah diminta oleh Kami, untuk memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan yang mungkin Kami perlukan dari semasa ke semasa bagi membolehkan Kami mematuhi kewajipan kontrak, undang-undang dan/atau kawal selia di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat termasuk sebarang laporan kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri mengenai maklumat berkaitan dengan Anda atau benefisiari (penerima namaan atau pemegang serah hak, yang mana diguna pakai) yang berkaitan dengan Sijil Takaful ini, Kami berhak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya yang mungkin termasuk menyerahkan laporan yang sepatutnya, menggantung akaun/Sijil Takaful Anda, menahan pembayaran wang yang berkenaan, menamatkan Sijil Takaful ini dan memulangkan nilai tunai (jika ada) setelah ditolak sebarang hutang sekiranya penamatkan tersebut berlaku.

FASAL HAD DAN PENGECUALIAN SEKATAN

- (1) Kami tidak dibenarkan untuk memberi perlindungan untuk sebarang risiko dan/atau aktiviti dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau sebarang faedah di bawah Sijil Takaful ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan faedah tersebut akan mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan atau larangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan atau sekatan ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau sebarang dari negerinya, dan/atau sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan sekatan ekonomi atau perdagangan lain yang berkenaan.
- (2) Kami tidak dibenarkan memberi perlindungan untuk sebarang risiko dan/atau aktiviti dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau sebarang faedah di bawah Sijil Takaful ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan faedah tersebut adalah untuk sebarang Entiti dan/atau Saudara/Kenalan Rapat bagi mana-mana Entiti.
- (3) Kami boleh menamatkan Sijil Takaful ini dengan serta-merta dan seterusnya tidak diwajibkan untuk melakukan sebarang urusan dengan Anda berkaitan dengan Sijil Takaful ini termasuk, tetapi tidak hanya terhad kepada, membayar atau menerima sebarang bayaran di bawah Sijil Takaful ini.

CUKAI DAN BAYARAN LAIN YANG DIKENAKAN OLEH UNDANG-UNDANG

Caruman yang akan dibayar oleh Anda kepada Kami di bawah Sijil Takaful ini adalah tidak termasuk sebarang Cukai dan sekiranya, di bawah undang-undang yang terpakai, Kami perlu membayar Cukai di atas Caruman yang dibayar oleh Anda, Kami akan mengira dan memungut daripada Anda sebarang bayaran yang telah dibayar atau perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini disebabkan oleh sebarang Cukai tersebut. Amaun tersebut seperti yang telah Kami kira, perlu dibayar oleh Anda sebagai tambahan kepada dan tanpa sebarang penolakan atau pengurangan daripada Caruman yang perlu dibayar kepada Kami di bawah Sijil Takaful ini. Cukai ditakrifkan sebagai sebarang cukai sama ada pada masa sekarang atau masa depan, secara langsung atau tidak langsung, termasuk cukai jualan, cukai perkhidmatan, sebarang cukai lain yang sama sifatnya, levi, impos, duti, caj, sebarang jenis potongan atau penangguhan, dan sebarang faedah atau penalti yang berkenaan dengannya yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

NOTIS DAN SURAT-MENYURAT

- (1) Melainkan telah disediakan, sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diberi di bawah Sijil Takaful ini kepada Kami atau kepada Anda harus dibuat secara bertulis.
- (2) Kami akan menghantar melalui pos atau secara sendiri sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat ke alamat terakhir atau mel elektronik Anda yang ada dalam rekod Kami. Ia akan dianggap telah diterima secara muktamad:
 - (a) pada masa penghantaran untuk penghantaran sendiri; dan
 - (b) tujuh (7) hari selepas tarikh diposkan jika diposkan di dalam negara dan empat belas (14) hari selepas tarikh diposkan jika diposkan ke alamat luar negara untuk penghantaran melalui pos, sama ada berdaftar atau tidak; atau
 - (c) selepas tempoh dua puluh empat (24) jam bagi penghantaran melalui mel elektronik.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN LAIN

1. Sebarang klausa di dalam Peruntukan Am ini yang didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia tidak akan menjelaskan kesahihan klausa-klausa lain di dalam Sijil Takaful ini.
2. Buku-buku dan/atau akaun-akaun Kami merupakan bukti muktamad tentang keadaan akaun-akaun di antara pihak-pihak di dalam Sijil Takaful ini. Sebarang pengesahan oleh mana-mana pegawai Kami mengenai wang atau liabiliti yang perlu dibayar atau berbaki atau terhutang kepada Kami oleh Orang Dilindungi adalah terikat dan akan menjadi bukti muktamad ke atas Orang Dilindungi di semua mahkamah undang-undang dan di tempat-tempat lain.
3. Sekiranya Kami lewat atau gagal dalam melaksanakan mana-mana hak/remedi di bawah Sijil Takaful ini, ia tidak akan dianggap sebagai pengecualian kepada hak/remedi tersebut. Perlaksanaan tunggal/separa mana-mana hak/remedi tidak akan menghalang perlaksanaan mana-mana hak/remedi yang lain. Hak dan remedii yang diperuntukkan di dalam Sijil Takaful ini adalah bersifat kumulatif dan tidak terpisah daripada mana-mana hak/remedi lain (sama ada diperuntukkan oleh undang-undang atau sebaliknya).
4. Sijil Takaful ini akan terus sah dan terikat bagi semua tujuan meskipun berlaku sebarang perubahan melalui penggabungan, perubahan nama, penyusunan semula atau sebagainya yang mungkin Kami buat.
5. Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful ini akan membentuk seluruh terma-terma dan syarat-syarat bagi Sijil Takaful ini. Tiada representasi atau pernyataan yang tidak konsisten yang dibuat sebelum ini berkenaan dengan Sijil Takaful ini sama ada secara lisan ataupun bertulis akan membentuk mana-mana bahagian daripada Sijil Takaful ini.
6. Kami berhak untuk membuat perubahan kepada terma-terma Sijil Takaful ini mengikut apa yang Kami anggap sesuai sekiranya terdapat perubahan pada undang-undang atau pada levi percukaian yang terpakai kepada Kami atau Sijil Takaful ini.
7. Melainkan terdapat sesuatu di dalam subjek atau konteks yang tidak konsisten dengan pentafsiran atau dinyatakan sebaliknya dengan jelas:
 - (a) Semua Caruman dan permintaan untuk serahan atau pemberitahuan tuntutan haruslah diterima dan disahkan mengikut tempoh masa yang telah Kami tentukan.
 - (b) Sebarang rujukan kepada "hari perniagaan" adalah kepada suatu hari (bukan hari Sabtu, Ahad atau Cuti Am di Malaysia) di mana bank-bank yang berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan sebarang rujukan kepada "hari", "minggu", "bulan" atau "tahun" merupakan hari, minggu, bulan atau tahun menurut takwim Gregory.
 - (c) Mana-mana urus niaga yang dibuat atau akan dibuat haruslah dilakukan mengikut masa yang ditentukan oleh Kami pada hari perniagaan itu untuk urus niaga tersebut dianggap telah dijalankan pada hari perniagaan itu. Jika tidak, urus niaga tersebut akan dianggap telah dijalankan pada hari perniagaan yang berikutnya.
 - (d) Halaman Maklumat Sijil adalah merupakan bahagian penting bagi Sijil Takaful ini. Sekiranya timbul sebarang konflik atau percanggahan di antara mana-mana peruntukan Sijil Takaful ini, maka konflik atau percanggahan tersebut, bagi tujuan tafsiran dan penguatkuasaan Sijil Takaful ini, akan diselesaikan dengan memberi keutamaan kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Peruntukan Am ke atas peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Halaman Maklumat Sijil.

PERUNTUKAN PEMILIKAN

PESERTA

Anda, seperti yang dinamakan di dalam Halaman Maklumat Sijil sebagai Peserta, adalah pemilik bagi Sijil Takaful ini sehingga sebarang pindaan dibuat. Selagi Orang Dilindungi masih hidup, hanya Peserta yang boleh menggunakan semua hak, keistimewaan dan pilihan yang diperuntukkan di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada sebarang hak pemegang amanah.

SAMPLE

PERUNTUKAN CARUMAN

BAYARAN

Semua Caruman bagi Sijil Takaful ini harus dibayar pada atau sebelum tarikh patut bayarnya kepada Kami. Kami akan mengeluarkan resit rasmi bagi setiap pembayaran yang diterima. Walau bagaimanapun, sekiranya Anda membayar Caruman Anda menggunakan kad kredit/debit atau autodebit daripada akaun bank Anda, Kami tidak akan mengeluarkan resit rasmi bagi pembayaran tersebut. Slip deposit yang disahkan atau potongan Caruman yang ditunjukkan dalam penyata kad kredit/debit atau penyata bank Anda akan dianggap sebagai bukti pembayaran.

PERUBAHAN

Anda boleh mengubah kekerapan pembayaran Caruman dengan menghantar permintaan bertulis kepada Kami. Caruman boleh dibayar secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan.

KEGAGALAN

Selepas pembayaran Caruman pertama, kegagalan membayar Caruman yang berikutnya pada atau sebelum tarikh patut bayarnya akan dianggap sebagai kegagalan membayar Caruman.

TEMPOH IHSAN

Tempoh Ihsan selama tiga puluh satu (31) hari daripada tarikh perlu bayar akan diberikan bagi setiap pembayaran Caruman berikutnya. Sijil Takaful akan kekal berkuatkuasa sepanjang Tempoh Ihsan. Sekiranya terdapat Caruman yang masih belum dibayar selepas Tempoh Ihsan berakhir, Sijil Takaful akan luput dan tidak lagi mempunyai nilai.

PENGUATKUASAAN SEMULA

Sekiranya Caruman masih lagi tertunggak selepas Tempoh Ihsan dan sekiranya Sijil Takaful ini belum lagi diserahkan untuk mendapat nilai serahan, Sijil Takaful ini boleh dikuatkuasakan semula oleh Kami sebelum Tarikh Matang bagi Sijil Takaful tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Terdapat permintaan bertulis daripada Anda untuk menguatkuasakan semula Sijil Takaful ini; dan
- (ii) Orang Dilindungi masih di dalam had umur yang dibenarkan seperti yang telah Kami tentukan pada masa penguatkuasaan semula; dan
- (iii) Orang Dilindungi harus mengemukakan bukti kelayakan perlindungan Takaful yang memuaskan kepada Kami; dan
- (iv) Semua Caruman yang tertunggak telah dibayar; dan
- (v) Pembayaran semua hutang yang masih belum dibayar; dan
- (vi) Sebarang penguatkuasaan semula hanya akan melindungi peristiwa yang berlaku selepas tarikh penguatkuasaan semula.

PENYATA MAKLUMAT SIJIL

Sijil Takaful Keluarga Anda merupakan suatu harta yang bernilai dan berfungsi sebagai bantuan yang berguna untuk keluarga Anda menghadapi sebarang musibah di masa hadapan.

Anda mungkin tidak mempunyai kesempatan untuk memahami keseluruhan peruntukan-peruntukan di dalam Sijil Takaful ini tetapi adalah penting untuk Anda memahami faedah-faedah unik Sijil Takaful ini. Penyata Maklumat Sijil ini telah disediakan di dalam bahasa yang mudah untuk Anda fahami bagi memberi penerangan mengenai beberapa faedah-faedah tersebut.

1. Bayaran Caruman Anda boleh dibuat secara tahunan, separa tahunan, suku tahunan atau bulanan. Anda boleh membayar Caruman menggunakan mana-mana kaedah berikut:

- (a) Autodebit menggunakan kad kredit atau debit; atau
- (b) Autodebit melalui bank-bank yang telah Kami tetapkan; atau
- (c) Terus kepada Kami.

Sekiranya Anda membayar Caruman Anda menggunakan kad kredit atau debit atau secara autodebit, Kami tidak akan menghantar sebarang notis awal kepada Anda untuk memaklumkan mengenai Caruman yang perlu dibayar. Tiada resit rasmi akan dikeluarkan sekiranya bayaran dibuat secara (a) atau (b). Slip deposit yang telah disahkan atau potongan Caruman yang ditunjukkan di dalam penyata kad kredit atau debit atau penyata bank Anda sudah mencukupi sebagai bukti pembayaran.

2. Anda boleh menyerahkan Sijil Takaful ini untuk menerima nilai serahan. Walau bagaimanapun, adalah tidak disarankan untuk Anda menyerahkan Sijil Takaful Anda memandangkan nilai serahan yang Anda mungkin terima adalah lebih rendah daripada amaan yang telah Anda bayar.
3. Salinan kad pengenalan adalah diperlukan sebagai bukti umur apabila Kami minta sekiranya umur Orang Dilindungi masih belum lagi diperakui.
4. Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami sekiranya terdapat sebarang pertukaran pada alamat Anda.
5. Anda mempunyai hak untuk membatalkan Sijil Takaful ini dengan memulangkannya kepada Kami berserta dengan notis bertulis dan Anda akan menerima bayaran balik Caruman yang telah Anda bayar ditolak sebarang perbelanjaan bagi pemeriksaan kesihatan (jika ada). Notis tersebut harus ditandatangani oleh Anda dan dihantar terus kepada Kami dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Anda menerima Sijil Takaful.
6. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian berhubung dengan Sijil Takaful ini, Anda boleh menulis kepada:

- | | | |
|--|---|--|
| (a) AIA PUBLIC Takaful Bhd. Menara AIA, 99, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur Care Line: 1-300-88-8922 E-mel: my.customer@aiapublic.com.my Laman web: AIA.COM.MY | (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P) (Dahulu dikenai sebagai Biro Pengantara Kewangan) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia No 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur Tel: 03-2272 2811 Faks: 03-2272 1577 E-mel: enquiry@ofs.org.my Laman web: www.ofs.org.my | (c) BNMLINK Jabatan Komunikasi Korporat Bank Negara Malaysia P.O Box 10922 50929 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Faks: 03-2174 1515 Laman web: bnmlink.bnm.gov.my |
|--|---|--|

7. Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Sijil Takaful Anda, Anda boleh menghubungi mana-mana Pusat Pelanggan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

8. Sekiranya terdapat tuntutan di bawah Sijil Takaful, Anda harus memaklumkan kepada Kami dengan kadar segera. Anda boleh merujuk kepada peruntukan yang berkenaan di dalam Sijil Takaful ini untuk prosedur tuntutan yang terperinci.
9. Kepentingan Anda sebagai Peserta adalah dilindungi dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Nota:

Penjelasan di atas adalah bertujuan untuk membantu Anda memahami terma-terma bagi Sijil Takaful ini dan tidak boleh dianggap atau ditafsirkan sebagai perubahan atau pindaan kepada peruntukan-peruntukan bagi Sijil Takaful ini.

SAMPLE